



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ISMAIL BIN MOHAMED**

**TOKOH GASING PIRING**

**OLEH:**

<b>FATIN AKMA BT MUHAMMAD ZIN</b>	<b>2019853662</b>
<b>NUR AYUNI BT MD AZMI</b>	<b>2020557007</b>

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN  
SEJARAH LISAN SEMESTER 05 (MAC 2021 – OGOS 2021)**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ISMAIL BIN MOHAMED**

**TOKOH GASING PIRING**

**OLEH:**

**FATIN AKMA BT MUHAMMAD ZIN      2019853662**  
**NUR AYUNI BT MD AZMI                2020557007**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN  
SEJARAH LISAN SEMESTER 05 (MAC 2021 – OGOS 2021)**

# PENGHARGAAN

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpahan kurnianya dapatlah kami menyiapkan kerja kursus ini dengan jayanya. Walaupun banyak halangan dan rintangan yang kami tempuh dalam menyiapkan kerja kursus ini, dapatlah kami menyiapkan dalam waktu yang ditetapkan. Kerja kursus kami adalah matapelajaran dokumentasi oral (IMR604) dimana memerlukan kami untuk menemuramah tokoh. Kami diberi peluang untuk mencari dan memilih tokoh-tokoh yang sesuai mengikut kriteria yang dikehendaki dan menemuramah tokoh tersebut, meneliti dan mempersesembahkan hasil kerja kami dalam bentuk penulisan.

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Nurulannisa binti Abdullah, pensyarah kami bagi matapelajaran dokumentasi oral kerana telah banyak memberikan tunjuk ajar serta bimbingan yang tidak putus-putus sepanjang tempoh menyiapkan tugas ini. Beliau juga telah banyak memberi kata-kata semangat kepada kami agar kami dapat menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Selain itu, jutaan ucapan terima kasih kepada tokoh yang kami menemubual iaitu Encik Ismail bin Mohamed kerana memberikan kerjasama kepada kami sepanjang sesi temubual ini. Tanpa kerjasama beliau, tugas ini tidaklah dapat disiapkan sepenuhnya.

Jutaan ucapan penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada kedua ibu bapa kami kerana banyak memberikan sokongan moral kepada kami sepanjang tempoh ini. Namun itu, ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan kami yang banyak berkongsi maklumat-maklumat kepada kami serta sering menolong kami semasa kami dalam kesusahan bagi menyiapkan tugas ini.

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	II
Isi Kandungan.....	IV
Abstrak dalam Bahasa Melayu.....	VI
Abstrak dalam Bahasa Inggeris.....	VII
Biodata Tokoh.....	IX
Pengenalan.....	XI
Transkrip:	
Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.....	1-4
Bahagian B: Sejarah Pendidikan Tokoh.....	4-8
Bahagian C: Pekerjaan Awal Tokoh.....	8-9
Bahagian D: Pengalaman kerjaya.....	10-14
Bahagian E: Permainan tradisional gasing piring.....	15-23
Bahagian F: Pencapaian.....	23-24
Bahagian G: Sumbangan.....	24-26
Bahagian H: Harapan.....	27-28
Rujukan.....	30
Lampiran	
Log Wawancara.....	32-37
Diari Kajian.....	39
Senarai soalan.....	39-50
Surat Perjanjian.....	51
Gambar.....	52-53
Indeks.....	55

# ABSTRAK

## ABSTRAK

**Abstrak:** Temubual ini dilakukan bersama Ismail Mohamed atau lebih dikenali dengan panggilan “Abang Nor” untuk mengetahui kepakaran beliau dalam seni membuat gasing piring. Temubual ini telah dijalankan menggunakan platform video whatsapp. Tarikh temubual tersebut adalah pada 24 Jun 2021 bermula pada jam 2.30 petang hingga 3.45 petang. Ismail Mohamed adalah bekas pegawai di sebuah syarikat telekomunikasi di Kota Bharu dan mula terlibat dalam pembuatan gasing piring sehingga beliau sudah menghasilkan lebih 5,000 buah gasing piring. Beliau menjadikan seni membuat gasing sebagai kerjaya utamanya bermula pada 1984 apabila ayahnya juga seorang pembuat gasing meninggal dunia. Oleh itu, beliau tekad berhenti kerja sebagai pegawai di sebuah syarikat telekomunikasi di Kota Bharu demi menyambung legasi atau faktor keturunan keluarganya. Encik Ismail juga turut menerima jemputan untuk menyertai pelbagai pertandingan di seluruh negara dan beliau juga pernah mengadakan pertunjukan bermain gasing piring di London. Pelbagai ujian dan cabaran yang telah dihadapi oleh Ismail Mohamed dalam proses menyambung gasing piring di udara kerana ia sangat memerlukan kemahiran dan fokus oleh pemain yang mahir. Diharapkan temubual ini dapat menambah pengetahuan kepada semua orang mengenai seni tradisional dalam pembuatan gasing piring.

**Kata kunci:** Gasing, kepakaran, video whatsapp, syarikat, legasi

## ABSTRACT

**Abstract:** This interview was conducted with Ismail Mohamed or better known as "Abang Nor" to find out his expertise in the art of making "Gasing Piring". This interview was conducted using WhatsApp video platform. The date of the interview is on 24 June 2021 starting at 2.30 pm to 3.45 pm. Ismail Mohamed is a former officer at a telecommunications company in Kota Bharu and became involved in the manufacture of 'gasing piring' until he has produced more than 5,000 'gasing piring'. He made the art of gasing piring as his main career starting in 1984 when his father who was also a gasing maker passed away. Therefore, he decided to quit his job as an officer in a telecommunications company in Kota Bharu to continue his family's legacy or hereditary factors. Encik Ismail also received invitations to participate in various competitions throughout the country and he also held a plate show in London. Various tests and challenges that Ismail Mohamed has faced in the process of connecting the 'gasing piring' in the air because it requires skill and focus by skilled players. It is hoped that this interview can add knowledge to everyone about the traditional art in the making of 'gasing piring'.

Keywords: Gasing, expertise, WhatsApp video, company, legacy

# **BIODATA TOKOH**

# BIODATA TOKOH



Rajah 1 Encik Ismail bin Mohamed

1.	<b>Nama Penuh:</b>	Ismail bin Mohamed (Abang nor)
2.	<b>Umur:</b>	67 tahun
3.	<b>Tarikh lahir:</b>	2 September 1954
3.	<b>Alamat Surat-Menyurat:</b>	Lot 3472, Kampung Padang Bemban, Tali Air Binjai, 16150 Kota Bharu, Kelantan
4.	<b>Kelahiran:</b>	Kampung Padang Bemban, Kota Bharu, Kelantan
5.	<b>Jantina:</b>	Lelaki
6.	<b>Bangsa:</b>	Melayu
7.	<b>Pendidikan (Rendah, Menengah dan Tinggi):</b>	Sekolah Kebangsaan Mentuang, Sekolah Menengah Raja Sakti Kolej Vokasional Pengkalan Chepa
8.	<b>Keluarga (Adik-beradik, Isteri dan Anak):</b>	Adik-beradik: 3 orang Isteri: Normah Yusof Anak: 4 orang
9.	<b>Bidang:</b>	Permainan tradisional (gasing)
10.	<b>Kerjaya:</b>	Pembuat gasing piring
11.	<b>Sumbangan:</b>	Mengajar ilmu mengenai gasing piring terhadap generasi kini untuk tidak hilang ditelan zaman .

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Permainan tradisional merupakan permainan warisan atau lama yang diperturunkan dari generasi ke generasi sejak zaman nenek moyang kita lagi. Antara permainan tradisional yang popular adalah wau, gasing, congkak dan sepak raga. Dalam tugas ini, kami telah menemuramah tokoh permainan gasing piring iaitu Encik Ismail bin Mohamed.

Melalui temubual ini, kami dapat mengetahui serba sedikit tentang gasing piring oleh Encik Ismail dan cara permainannya. Tugasan kami telah kami penuhi dengan syarat-syarat dan kriteria yang diperlukan dalam matapelajaran ini.

Tokoh yang kami menemuramah iaitu Encik Ismail adalah orang kampung yang dikenali sebagai Abang Nor di kalangan kawan-kawannya. Beliau memulakan dalam bidang pembuatan gasing piring ini sejak kecil lagi oleh kerana faktor keturunan atau legasi keluarganya. Beliau menjadikan seni membuat gasing sebagai kerjaya utamanya bermula pada 1984 apabila ayahnya juga seorang pembuat gasing meninggal dunia

Encik Ismail juga menyediakan bengkel and tempahan jika orang ramai yang meminati tentang gasing piringnya. Tambahan pula, beliau sudah menghasilkan lebih 5,000 buah gasing piring. Encik Ismail juga turut menerima jemputan untuk menyertai pelbagai pertandingan di seluruh negara dan beliau juga pernah mengadakan pertunjukan bermain gasing piring di London.

# **TRANSKRIP**

# **TRANSKRIP**

Berikut adalah rakaman yang berkisah tentang kehidupan tokoh Ismail bin Mohamed yang merupakan salah seorang tokoh yang membuat gasing piring.

Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang pembuatan gasing piring. Bersama-sama kami ialah Encik Ismail Mohamed yang merupakan seorang pembuat gasing dengan menjadikan seni membuat gasing sebagai kerjaya utamanya bermula pada tahun 1984. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 24 Jun 2021 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 2:30 petang menggunakan platform video whatsapp. Temubual ini dikendalikan oleh Fatin Akma dan Nur Ayuni.

## **Petunjuk:**

IM: Ismail Mohamed

FA: Fatin Akma

NA: Nur Ayuni

## **BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH**

**FA : Baiklah. Untuk permulaan temuramah ini, bolehkah Encik Ismail ceritakan serba sedikit tentang latarbelakang Encik Ismail iaitu nama penuh encik, bila dilahirkan, umur, tempat lahir dan sebagainya. Baiklah. Apakah nama penuh Encik Ismail?**

IM : Bismillahirahmanirrahim Assalamualaikum Warahmatullahita'aala Wabarakatuh. Nama penuh saya Ismail bin Mohamed ataupun dikenali dengan panggilan Abang Nor di kalangan kawan-kawan dan dilahirkan di Kampung Padang Bemban, Binjai dan dibesarkan di sini (Kampung Padang Bemban) dan disekolahkan pun di sini (Kampung Padang Bemban) jugok [juga] di Kampung Padang Bemban. Saya belajar di Sekolah Kebangsaan Mentuang pada awalnya dan seterusnya di Sekolah Menengah Kedai Lalat lepahtu [selepas itu] di Kolej Vokasional Pengkalan Chepa.

FA : Berapakah umur Encik Ismail sekarang?

IM : Saya dilahirkan pada tahun 1954 iaitu pada tanggal 2.9.1954 dan umur lebih kurang 67 tahun dan mempunyai tiga orang adik-beradik dah kawin [kahwin] semuanya.

FA : Adakah Encik Ismail ada nama panggilan ataupun nama gelaran?

IM : Nama panggilan di kampung Abang Nor.

FA : Bagaimanakah Encik Ismail boleh mendapat gelaran tersebut?

IM : Gelaran tersebut sebenarnya saya mempunyai dua nama, kad pengenalan nama Ismail lepahtu [selepas itu] nama biasa kat [di] kampung ni [ini] Mohamed Nor. Jadi, kalau kat [di] kampung terkenal dengan nama panggilan abang nor dan di kalangan kawan-kawan abang nor dan sekarang ni [ini] abang nor gasing. Saya berjinak-jinak [mencebur] dengan gasing adalah kerana faktor keturunan. Jadi saya lahir sahaja, saya tengok [melihat] semua keluarga saya bermain gasing. Jadi, di situlah bermulanya minat saya dalam permainan gasing. Sebenarnya, dari kecik [kecil] lagi.

**FA** : Seterusnya, bolehkah Encik Ismail ceritakan sejarah latarbelakang keluarga Encik Ismail seperti nama ibu bapa encik, bilangan adik-beradik dan sebagainya.  
**Bolehkah saya tahu [mengetahui], siapakah nama ibu Encik Ismail?**

**IM** : Nama ayah saya Mohamed bin Abdul Rahman. Beliau berasal dari sini di Kampung Padang Bemban dan ibu saya Hajjah Halipah binti Ismail berasal daripada Kampung Cheras - dan kami dibesarkan dalam keadaan sederhana.

**FA** : **Berapakah umur ibu bapa Encik Ismail?**

**IM** : Umur ibu bapa saya, ayah saya lebih kurang dalam 90 tahun sekarang dah meninggal [meninggal dunia] dan ibu saya meninggal [meninggal dunia] pada tahun lepas berumur 44 tahun.

**FA** : **Berapakah bilangan adik-beradik Encik Ismail?**

**IM** : Saya mempunyai tiga orang adik-beradik, saya dan adik saya, yang bongsu ialah perempuan.

**FA** : **Dalam kalangan adik-beradik Encik Ismail, Encik Ismail anak yang ke berapa?**

**IM** : Saya anak sulung.

**FA** : *Okay (baiklah).* Soalan selanjutnya, berkenaan dengan pasangan encik Ismail dan anak-anak, bolehkah Encik Ismail ceritakan serba sedikit tentang nama mereka, bilangan anak-anak dan pekerjaan mereka sekarang? Boleh saya tahu siapa nama isteri Encik Ismail?

IM : Isteri saya nama Normah binti Yusof dan dengan Normah binti Yusof, saya mempunyai empat orang anak, tiga perempuan dan satu lelaki. Yang sulongnya Rosmawati binti Ismail. Beliau suri rumah sepenuh masa. Dulu, dia seorang kerani am dah kahwin dan berhenti kerja. Lepahtu [selepas itu] yang kedua lelaki dan beliau sekarang ni [ini] bekerja pembekal makanan dan yang ketiga dah kahwin jugok [juga], Zana binti Ismail. Beliau bekerja di KL (Kuala Lumpur) sebagai manager [pengurus] dan bongsunya Rohayu binti Ismail, ukur bahan iaitu [arkitek].

## **BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN TOKOH**

FA : Mengenai sejarah pendidikan pula, di manakah Encik Ismail memulakan pendidikan awal?

IM : Pendidikan awal saya di Sekolah Kebangsaan Mentuang. Lepahtu [selepas itu], di Sekolah Menengah Raja Sakti di Kedai Lalat. Lepahtu [selepas itu], seterusnya saya belajar di Kolej Vokasional Pengkalan Chepa.

FA : Semasa sekolah rendah, Encik Ismail, adakah Encik Ismail ada memegang jawatan di sekolah rendah? Seperti pengawas sekolah, pengawas perpustakaan dan sebagainya.

IM : Saya pelajar biasa. Semasa sekolah, saya tak ada [tiada] apa-apa jawatan. Saya cuma pelajar biasa.

FA : Seterusnya, sekolah menengah. Apakah nama sekolah menengah Encik Ismail?

IM : Sekolah menengah, tingkatan 1 sampai tingkatan 3, saya belajar di Sekolah Menengah Raja Sakti. Lepa itu [selepas itu], saya melanjutkan pelajaran saya ke Sekolah Menengah Vokasional Pengkalan Chepa.

**FA : Berapakah matapelajaran atau subjek yang Encik Ismail ambil [ambil]?**

IM : Saya paling minat [menyukai] belajar dulu, matapelajaran sains, Bahasa Malaysia lepa itu [selepas itu] Sejarah dan juga lukisan.

**FA : Mengapakah Encik Ismail meminati subjek tersebut?**

IM : Tak tahu [tidak mengetahui] (senyum). Dia [Encik Ismail] tiba-tiba minat matapelajaran begitu.

**FA : Seterusnya, siapakah guru yang Encik Ismail minati? Maksud kami macam guru yang membuatkan Encik Ismail suka belajar dengan beliau?**

IM : Itu sejarah lama kita [saya] kadang tak [tidak] ingat guru. Masa saya belajar di tingkatan satu dulu Cina [guru] dipanggil cikgu Abdullah Palestin. Tapi nama cina saya tak [tidak] ingat nama dia [guru], orang panggil nama Abdullah begitu.

**FA : Apakah pengalaman manis yang Encik Ismail masih ingat pada zaman sekolah menengah?**

IM : Dia [pengalaman manis] masa sekolah menengah ni [ini] kita ada belajar tu [itu] banyak kenangan manis. Sapa-sapa [setiap orang] macam tu [itu] jugak [juga]. Masa belajar kita suka-suka, seronok. [Encik Ismail tidak tahu nak bercakap apa lagi].

**FA** : Adakah Encik Ismail mengaktifkan diri di sekolah? Maksud kami mengaktifkan diri dengan melibatkan dalam bidang sukan atau memasuki mana-mana persatuan atau kelab?

**IM** : Sukan saya cuma bermain bola sepak. Dan sukan lain bukan saya tak[tidak] minat, minat jugak [juga], yang paling minat bola sepak. Saya penjaga gol.

**FA** : Adakah pernah menjuarai pertandingan bola di Peringkat Kebangsaan?

**IM** : Sekolah saya tak [tidak] pernah menjuarai. Cuma dalam persatuan itu sahaja semasa sekolah.

**FA** : Kenapakah Encik Ismail meminati permainan tersebut?

**IM** : Dia ginilah [beginilah]. Masa tu [itu], kita main bola ni [ini], kira permainan paling seronok sebab kita ada idola kita sendiri, kita suka tengok orang main lepahtu [selepas itu], kita suka tengok *time* (masa) tu [itu] mokhtar dahari, orang paling kita suka Mokhtar Dahari, mana-mana pun kita main ikut cara dia, tapi tak [tidak] dapat pun, tengok saja.

**FA** : Seterusnya, Adakah Encik Ismail melanjutkan pelajaran selepas itu?

**IM** : Dan selepas itu, selepas SPM [Sijil Pelajaran Malaysia], saya cuba lagi dapatkan tingkatan 6, saya belajar di Sekolah Menengah Isnah di Kota Bharu lapahtu [selepas itu,] takat [sehingga] itu sajalah sebab saya bekerja di KL (Kuala Lumpur) lepahtu [selepas itu] saya balik ke rumah dan menetap di rumah.

**FA : Apakah cabaran semasa Encik Ismail belajar?**

IM : Belajar tu [itu] macam pelajar-pelajar lain jugak [juga]. Jika kita ingin sesuatu, macam tulah [itulah], cuma kadang-kadang kita ni[ini] tak [tidak] cemerlang jugak [juga]. Nasib kita kiranya.

**FA : Apakah bidang kursus atau bidang pengajian yang Encik Ismail ambil? Maksud kami subjek atau mata pelajaran encik ambil?**

IM : Saya di Kolej Vokasional, saya *architecture* (seni bina), bina bangunan.

**FA : Apakah yang mendorong Encik Ismail menyambung pelajaran di situ [Kolej Vokasional]?**

IM : Dia macam ni [ini]. Kita belajarkan, kita ingin sesuatu. Maksud saya, saya suka dengan *architecture* (seni bina) bahagian seni. Kalau kita belajar di sekolah biasa tak ada [tiada] seni sebabtu [dengan itu], saya belajar di Kolej Vokasional di situlah saya buat kerja-kerja tangan, lepastu [selepas itu] kita boleh buat seni. Kadang-kadang *part time* (kerja sambilan) saya buat sarung pisau, sarung kris saya boleh buat lepastu [selepas itu] macam-macam kerja-kerja tangan saya boleh buat lepahtu [selepas itu] tanpa kita sedari, kita belajar, kita boleh buat gasing.

**FA : Dimanakah Encik Ismail tinggal semasa belajar di situ? Maksud kami tinggal di asrama ataupun di rumah sewa?**

IM : Semasa di Vokasional Pengkalan Chepa, saya tinggal di rumah sewa di Kampung Lalat berhampiran di sekolah.

**FA : Adakah Encik Ismail ada memohon biasiswa?**

IM : Tak ada [tiada]. Saya belajar sendiri ja [sahaja]. Segala-gala sendiri.

### **BAHAGIAN C: PEKERJAAN AWAL TOKOH**

**FA : Selepas itu, bolehkah Encik Ismail berikan apakah pekerjaan awal Encik? Sebelum menjadi pembuat gasing piring?**

IM : Kerja macam-macam saya boleh buat (tengah berjalan). Saya bekerja sebagai *wiring* (pendawaian), saya buat bangunan. Itu je [sahaja]. Saya buat kraftangan tradisional dan sekarang ni[ini] saya masih membuat kerja—lepahtu [selepas itu] saya membuat kerja kontrak.

**FA : Mengapakah Encik Ismail memilih pekerjaan tersebut?**

IM : Dia bekerja ni [ini], kita kena apa, kadang-kadang kita bermain saja apa tak [tidak] *okay* (baik) jugak [juga]- kena buat kerja lain jugak [juga]. Jadi, sambil buat gasing, ada kerja lain kita buat.

**FA : Siapakah yang mendorong Encik Ismail menerima pekerjaan tersebut?**

IM : Yang mendorong kita sendiri. Kita tak ada [tiada] sapa-sapa [siapa-siapa] mendorong kita sebenarnya. Apa-apa kerja kita buat atas dasar kita minat (berjalan). *Okay* (baik) ke?

FA : *Okay (baik) Encik Ismail.*

FA : Selanjutnya, apakah pengalaman ataupun peristiwa yang Encik Ismail tidak pernah lupakan semasa bekerja?

IM : Dia kerja tu [itu] macam-macam pahit ke manis ke. macam orang biasa juga lah. kita teringat saja sampai hari ni sama macam kita dengar lagukan. kadang-kadang kita dengar lagu - motosikal melintas (Encik Ismail melihat), bila [apabila] dengar lagu kita boleh ingat kenangan berlaku. Contohnya macam ni [ini], bila [apabila] terjadi sesuatu benda. Contohnya kematian. Saya pernah berlaku kematian saudara saya pada hari tu [itu] juga saudara saya mati [meninggal dunia], bila [apabila] dengar tu [itu], jadi teringat. (berjalan).

FA : Bolehkah saya tahu berapakah gaji pekerjaan tersebut?

IM : Gaji tu [itu] kira bolehlah untuk sara hidup dalam RM2000 gitu [macam itu] lah.

FA : Berapa lamakah tempoh masa Encik Ismail ambil waktu bekerja?

IM : Bekerja kira kita bekerja kontrak. Kadang kala kita macam orang lain jugak lebih kurang 8 jam. Begitulah bekerja biasa. Kadang kala kita buat kerja lebih sikit, kita tengok atas kerja kita. Kalau tak [tidak] siap, kerja lebih sikit.

## **BAHAGIAN D: PENGALAMAN KERJAYA**

**FA : Selepas Encik Ismail berhenti daripada pekerjaan awal itu, bolehkah Encik Ismail terangkan bagaimana Encik Ismail boleh terlibat dalam bidang pembuatan gasing piring?**

IM : Sebenarnya saya terlibat dengan gasing ni [ini] kira faktor keluarga, faktor keturunan. Jadi, pada awalnya saya tak [tidak] minat dengan gasing ni, tapi setelah bapa saya meninggal pada tahun sembilan 1993, saya minat dan semasa tu [itu] saya tinggal di KL (Kuala Lumpur) lagi. Lepastu saya balik dan tak [tidak] pergi ke KL (Kuala Lumpur) kira saya cuba membuat gasing, buat dan terus menjadi kepala pasukan sampai hari ni [ini] jadi terbuktilah saya buat gasing, saya jual gasing lepahtu [selepas itu] terlibat dengan permainan dan berhenti.

**FA : Dimanakah Encik Ismail memulakan bidang pembuatan gasing piring?**

IM : Saya bemula di kapung [kampung] ni [ini] jugok [juga], daripada Kampung Padang Bemban dan saya tak [tidak] pindah lagi, saya menetap di sini ja [sahaja]. Kampung Padang Bemban ni [ini] sampai dekat binjai tu [itu] dekat balai polis tak [tidak] jauh lagi. Bila sampai di Binjai, terus ke depan, masuk dan lebih kurang dalam 2-kilometer dengan Binjai.

**FA : Selanjutnya, mengapakah Encik Ismail memilih untuk melibatkan diri dalam bidang pembuatan gasing piring?**

IM : Saya tak [tidak] memilih sebenarnya. Cuma macam ni [ini] lah apabila saya tengok permainan ni sapa [sampai] jadi pupus, terus saya melibatkan diri. Jadi, bila saya melibatkan diri itu, permainan tidak akan pupus. Jadi, andai kata permainan berhenti di

situ, saya tak [tidak] sambung, kemungkinan besar permainan gasing akan berhenti kat [di] situ sahaja atau pupus.

**FA : Adakah Encik Ismail meminati bidang permainan gasing piring sejak kecil lagi?**

IM : Memang. Memang sejak kecil saya minat. Saya cuba sejak kecil bermainan gasing sejak kecil jadi perinsip saya. Jadi kalau bermain gasing piring atau gasing uri ni [ini] sebenarnya tak [tidak] sesuai untuk kanak-kanak. Dia sesuainya untuk budak apabila berusia lapan 18 tahun ke atas. Jadi sebelum 18 tahun tu [itu] tak [tidak] boleh kerana gasing ni [ini] berat 4 kilo. Bila cukup umur baru boleh bermain. Tapi, sebelum tu [itu], kita buat gasing ni [ini] sesuai dengan kita. Contohnya, kita membuat gasing ni kombinasi di antara timah dengan kayu. Jadi kalau peringkat awalnya, peringkat timah tak [tidak] termasuk kayu sahaja ringan. Jadi belajar gasing bermula daripada A. Contohnya dari A tak termasuk timah lepastu [selepas itu] boleh masuk timah kita belajar yang ringan dan boleh berpusing.

**FA : Mengapakah Encik Ismail meminati gasing piring?**

IM : Dia gasing ni faktor keturunan sebenarnya. Macam saya kata takdi [sebentar tadi], jadi bila sebut keturunan tu, kita tak [tidak] minat lagi gasing lain, tu [itu] saja kita akan minat. Jadi contohnya, gasing ni [ini] dia ada banyak kategori macam gasing piring dan uri sama dan pangkahnya ikut negeri masing-masing. Kalau negeri Pahang cara Pahang, kalau Kelantan cara Kelantan. Jadi gasing pangkah tu [itu] saya tak [tidak] minat sangat. Boleh main tapi tak [tidak] minat.

**FA : Siapakah yang mendorong Encik Ismail terlibat dalam bidang pembuatan gasing piring ini?**

IM : Sebenarnya saya takda [tiada] sapa [siapa-siapa] yang beri dorongan. Cuma dorongan tu [itu] minat sendiri saja.

FA : Berapa lamakah Encik Ismail terlibat dalam pembuatan gasing piring?

IM : Kalau ikut daripada tu [itu], tahun 1984 sampai hari ni. Sudah lama. Hampir 40 tahun.

FA : Adakah Encik ada menubuhkan bengkel untuk pengajian pembuatan gasing kepada golongan masyarakat yang meminati permainan gasing piring?

IM : Dulu kita buat juga dulu. Kita buat bengkel. Sekarang ni [ini] ada bengkel. Jadi Kita buat dulu, kalau ada sapa-sapa [siapa-siapa] cuba untuk belajar, kita bukak [buka] dan kita ajar semua sekali. Pahtu [selepas itu], pernah kita terima anak angkat daripada kraf tangan KL (Kuala Lumpur), dia datang sini nak belajar gasing selama 15 hari dan tahun saya tak [tidak] ingat tahun 2001 atau 2003 gitu [macam itu] dia belajar. Dan sekarang ni [ini] kalau ada sapa-sapa [siapa-siapa] nak belajar kita boleh ajar, kita ada bengkel. Gasing ni simple [sederhana] ja [sahaja] mudah ja [sahaja]. Kita tak [tidak] banyak pakai barang. Cuma kita pakai tempat berlatih dipanggil benju. Cuma memerlukan tiga batang. Cuma untuk belajar memang susah sikit sebab gasing ni [ini] dia banyak combinasi, bukan kayu saja, dia ada kayu, timah, logam, gangsa pun ada. Jadi kombinasi antara bahan-bahan tu [itu] kita campur, buat maka jadilah gasing. Jadi kalau nak tengok gasing, kira payohlah sebab gini kan [Covid-19]. Kalau kat [di] rumah awak bolehlah tengok macam mana gasing tu [itu] berpusing, macam mana bentuk gasing. Bentuknya sama ja [sahaja] Cuma yang lainnya aksesori dia. Aksesori dia di buat daripada perak, jambul dia dibuat daripada aluminium dan tembaga. Jadi kalau kat [di] umah awak tengok dengan mudah. Awak pernah tengok permainan gasing?

FA : Tak [tidak] pernah.

IM : Kalau tak [tidak] pernah tengok tu [itu] kira payoh [susah] sikitlah nak tahu. Kalau kita hantar gambar tu [itu] kira awak [Fatin dan Ayuni] boleh tengok tapi awak tak [tidak] tahu ni fungsi apa, ni fungsi apa. Jadi kalau *live* (secara langsung) ni [ini] awak takkan tahu dan banyak soalan akan awak tanya.

**FA : Berapakah bayaran untuk menyertai bengkel tersebut?**

IM : Dulu kita buat percuma ja [sahaja]. Dulu sesiapa nak menyertai percuma saja tanpa bayaran. Time [masa] tu [itu] kita tak [tidak] nak [mahu] gasing itu pupus. Sekarang ni kita dah ada dua-- tiga budak yang pandai main gasing dan buat. Andai kata saya tak ada [tiada] lagi atau saya berhenti dari bermain gasing ni [ini]. dia boleh teruskan. Dan pewaris tu [itu] adalah keluarga saya jugak [juga], anak saudara saya jugak, buat dia (anak saudara) tahu cara, berpusing dia (anak saudara) tahu cara dan dia boleh *handle* (mengendalikan) permainan ni.

**FA : Bilakah bengkel tersebut diadakan?**

IM : Bengkel selalunya saya buat pada hari jumaat dan hari sabtu. Apa-apa aktiviti saya buat dua hari ja [sahaja], Jumaat dan Sabtu. Hari lain kadang-kadang kita buat. Jadi, hari lain kita cari bahan. Nak buat gasing ni [ini] kena banyak bahan. Kena cari kayu dan pastikan kayu itu cantik, pastikan kayu itu boleh buat gasing dan kayu itu menarik dan sebatang kayu ada tempat menarik. Kita potong kat [di] situ di pokok.

**FA : Berapakah tempoh masa bengkel tersebut?**

IM : Biasanya kita buat dari pukul 8 pagi dan kita berhenti sekejap tengah hari dan sambung balik.

FA : **Siapakah yang boleh menyertai bengkel tersebut?**

IM : Bengkel tu sesiapa sahaja boleh sertai tak [tidak] kisah siapapun. Kadangkala banyak juga pelajar datang sini, macam awak juga, dia buat kerja kursus. Kita ajar dia dari pagi sampai pukul 5. Dia buat, lingkungan. 40 orang pun ada. Dia buat tak [tidak] kira perempuan kelelaki. Dia cuba. Musim covid ni [ini] kita tak ada [tiada] aktiviti sangat. Jadi kita ada pun macam ni [ini] lah.

FA : **Adakah Encik Ismail sahaja yang mengajar bengkel tersebut?**

IM : Saya yang mengajar. Saya ajar buat, cara bermain, pusing daripada buat sampailah bermain.

FA : **Adakah pembuatan gasing piring ini juga dikatakan hobi Encik Ismail?**

IM : Ya, peringkat awalnya memang hobilah. Tapi nak kata hobi tu [itu] macam kerja juga jadi. Kadang-kadang hobi, kadang-kadang kerja. Tengok atas tempahan. Kalau tempahan tu [itu] banyak, jadi terpaksa berhenti kerja dan buat gasing begitu. Kerja begini tak [tidak] menentu. Kadang-kadang banyak, kadang-kadang sikit, kadang-kadang tak ada [tiada] langsung. Sebab pasaran gasing –sambungan lemah-

## E. PERMAINAN TRADISIONAL GASING PIRING

NA : *Okay, (baiklah) soalan seterusnya, akan saya kendalikan. Saya akan bertanya lebih lanjut mengenai permainan tradisional gasing piring. Boleh saya tahu terdapat berapa jenis bilangan gasing yang Encik buat?*

IM : Saya buat gasing satu jenis gasing je [sahaja]. Gasing apa gasing piring atau pun gasing uri ya. Yang lain tidak buatlah sebabnya bukan tidak boleh buat tapi saya tidak minat sangat nak buatlah tapi kadang-kadang kalau diaorang ada tempah saya buat jugaklah [jugalah]. Buat apa dia sebab tidak berani sangatlah. Haa, gitulah [begitulah] Jadi kalau gasing piring atau gasing uri terus saya buat saya sambung setakat itu je [sahaja].

NA : **Kenapa, buat gasing piring dengan gasing uri je [sahaja]? Lagi senang nak buat ke? Ke macam mana?**

IM : Pasal gini [begini] pasal gasing piring atau gasing itu adalah merupakan darah daging saya. Jadi, macam mana pun kiro [kira] apa dia gasing piring atau gasing uri ni [ini] dia memberi banyak memberi seni yang tersendiri berbanding dengan gasing pangkah itu dia tak [tidak] ada apa-apa seni langsung cuma kita pusing, kita pangkah. Cuma gasing uri ini lain, dia lain bila saya tengok dia macam magiklah [silap mata] sikitlah, haa, gitu [begitu]. Jadi cara seni dia, cara nak pusing pun ada seni, cara main gasing pun ada seni, cara dia berpusing pun cara gasing berpusing ada jugak [juga], cara nak mati pun gitu [begitu] jugak [juga]. Jadi, kita boleh, permainan ini kita boleh nilai penuh dengan seni berbanding dengan gasing pangkah tu [itu], bagi saya permainan sahaja tiada seni. Jadi kita minat dengan senilah.

NA : **Kenapa gasing itu dinamakan sebagai gasing piring?**

IM : Dia bahasa piring tu [itu] ada kerana dia leper macam bentuk piring, dia gasing uri pun sama jugak [juga], gasing uri tu [itu] kadang-kadang orang selalu panggil gasing uri, uri tu [itu] ertinya berpusing dengan lama, haa gitu [begitu]. Jadi gasing piring dan gasing uri sama je [sahaja], gasing yang sama.

NA : **Ada terdapat berapa jenis gasing gasing piring itu? Boleh Encik sebutkan?**

IM : Gasing piring cuma satu jenis sahaja, jadi kalau kita pergi tengok dekat apa mana-mana pun, pasukan mana-mana pun sama bentuknya macam tu je [sahaja], dia tak [tiada] ada beza. Cuma bagi yang ariflah, dia tahu lah gasing ni [ini] orang tu [itu] gasing ni [ini] orang buat, yang mana kecil [kecil] besar. Macam inilah orang Kelantan panggil ada macam pasang siput haa gitu [begitu] boleh beza dengan orang yang mahir sahaja, dengan orang yang tak [tidak] mahir dia kata apa dia tengok sama je [sahaja] semua tali, dia tak [tidak] ada jenis.

NA : **Adakah gasing piring itu ada reka bentuk yang tertentu macam agak istimewalah?**

IM : Dia gasing piring ini keutamaan dia berpusing dengan lama, jadi kita tak [boleh] nak dia kalau sekala-kala kayu pun kita licinkan kayu, kita tak [tak] boleh nak ukirkan kayu tu [itu], kemudian kita ukirkan kayu itu dia akan apa-apa dia tidak jadi aerodinamiklah, dia boleh mamparan dia punya pusingan. Jadi kita gelincirkan semua sekali dia macam itu je [sahaja] dia, jadi pada nampak jantan tu [itu] bagi nampak menarik tu [itu], segalagalanya atas kayu kita. Kalau kayu kita itu cantik, cantiklah gasing tu [itu], haa gitu [begitu].

NA : **Apakah bahan yang diperlukan untuk membuat gasing itu? Macam Encik cakapkan tadi, kayu kan, kayu apa yang boleh buat gasing?**

IM : Kayu, semua kayu boleh buat gasing cuma yang paling popularnya dia apa, kayu merbau. Kayu merbau biasanya terdapat di hulu Kelantan dan kalau kat sinilah dekat kawasan-kawasan sini kita kayu tu [itu] satu jenis saja [sahaja] kayu itu dipanggil bebaru. Kayu bebaru itu biasanya terdapat di kawasan-kawasan berpaya ataupun di muka-muka kuala. Jadi, kayu bebaruni [ini] dia ada menariklah, dia ada warna, ada dua tiga jenis warna dia ada. Dia ada warna kuning, dia ada warna hitam dan ada warna putih, haa gitu [begitu]. Jadi, warna tu [itu] dia akan keluar daripada kayu itu tersendiri, tak [tidak] payah kita lukis berbanding dengan kayu lain macam kayu merbau tu [itu] dia satu corak sahaja. Kalau warna merah, merah cara dia. Dan kayu lain macam kayu getah ke, kayu nangka ke, semua kayu boleh buat gasing jugak [juga] cumanya kayu-kayu tu [itu] ia kita kena ambik [ambil] tempat-tempat menariklah sebab kita rasakan cantik. Contohnya bercampur dengan kayu dedalu, apa-apa kayu pun kalau ada dedalu dia akan cantiklah. Jadi, seni dia akan keluar daripada masih dalam gambaran kayu dia ada kesan dia masuk tu [itu], jadi bila kita jadikan gasing dia sebatи, dia cantiklah macam kadang-kadang dia nampak macam keris pun ada, macam bunga pun ada nampak, macam tulah [itulah]. Sebatang kayu ni [ini] tidak samalah, kalau kayu ni [ini] macam ni [ini] (tunjuk kayu) dan sekeping lagi lain sikit. Jadi walaupun kayu lama, dia akan lain sikit.

NA : **Kalau tali pulak [pula], jenis tali apa yang digunakan?**

IM : Tali kalau nak pusing gasing ni [ini] sekarang kita pakai tali jedela, tali tu [itu] biasanya askar pakai untuk panjat bukit tu [itu], dia kuatlah. Panjang tali tu [itu] dalam 15 kaki. Dan kalau kita nak pusing gasing tu [itu] kita perlukan getah daripada pokok kayu, ada dua tiga jenis getah. Satu jenis getah itu dia daripada pokok pewing dan satu lagi daripada pokok kecuku tau dak [tahu tidak]. Jadi kita ambik [ambil] getah dan kita lumurkan di tali lepas itu bila kita nak pusing gasing, kita ikat pada batang pokok pah tu [lepas itu] kita pasang tali gasing tu [itu] kita kena tarik kuat-kuat. Jadi, biar betul-betul perik (ketat) tali tu [itu] barulah kita boleh pusing gasing. Jadi kita tak [tidak] boleh nak pusing tali lebih kurang tidak bolehlah, kita berterik tekak (ikat dengan ketat) baru kita boleh pusing gasing.

NA : Adakah saiz gasing tu [itu] ada pelbagai jenis jugak [juga]?

IM : Saiz gasing ada saiz jenis tu jah [itu sahaja]. Yang paling sesuai, jadi kalau dulu kita kira dalam 100 tahun dululah, dia tak [tidak] pakai tali ni [ini], tali diperbuat daripda kulit kayulah pah tu [lepas itu] dia pintal kulit kayu itu [itu] jadikan tali tapi sekarang ni [ini] kita tidak pakai lagi dah kayu tu [itu]. Bukan tak [tidak] boleh buat, boleh buat tapi saya tak [tidak] kuatlah, kita pakai tali tu [itu] lima jam campur minit dia akan putuslah, tapi kalau pakai tali jedela ni [ini] tali yang saya sebutkan tadi kita pakai 5 tahun pun sama je [sahaja] dia masih kuat lagi. Jadi, tali tu [itu] sekarang ini begitu sesuai dengan gasing.

NA : Boleh saya tahu, apabila gasing tu [itu] dimainkan, berapa lama dia boleh bertahan berpusing?

IM : Gasing itu kalau kita pusing kalau kita pakai tali la selama 2 jam setengah, sekali pusing. Rekod yang kita buat 2 jam 48 minit yang paling tinggi direkodkan.

NA : Setakat ini, berapakah bilangan gasing piring yang Encik pernah buat?

IM : Kalau nak kira memang banyak tak [tidak] terkira kalau nak kira. Pasal apa kita bermula daripada tahun '84 [1984] sampai hari ini kita buat gasing tak [tidak] berhenti. Jadi tak [tidak] tahu mungkin dah beribulah mungkin 500 keseluruhan kerja bukan mungkinlah dah ada pengisar laut (peralatan membuat gasing).

NA : Siapakah yang bantu Encik Ismail dalam pembuatan gasing piring? Ada sesiapa yang bantu Encik untuk buat gasing itu?

IM : Dia ada pembantu pasal nak buat gasing piring ni [ini] kita kena nyalakan api pasal timah kita kena masak, Jadi timah kena masak dan kita perlu pembantu tidak kisahlah siapa pun. Semasa proses buat gasing tu [tu] kena ada dua tiga orang pembantu. Kalau tiada pembantu kira letih sikitlah, nak masak timah lagi, nak buat tu [itu] lagi gasing ni [ini] dia banyak bukan kayu sahaja, kombinasi kayu itu banyak kadangkala bukan kadangkala kita masukkan kepala dia tu [itu] kepada kita masak atas kerbau [acuan gasing], tembaga kadangkala kita pakai kayu juga untuk hasilkan kepala dia.

NA : Adakah gasing piring itu senang dimainkan atau mudah dimainkan?

IM : Kalau kita pandai segala-galanya mudah, kalau kita tidak pandai payah sebab gasing ni [ini] berat dia 4 kilokan [kilogram] jadi denga berat itu nak belajar tu [itu] kira orang yang betul-betul berminat yang boleh pandai. Jadi kalau dia ni [ini] nak belajar mengambil masa yang jugaklah dalam dua bulan tiga bulan jadi susah kalau nak belajar dalam masa seminggu dua minggu memang tak [tidak] pandailah dan lagi kita kena tekunlah pasal kerja seni kita tak [tidak] boleh jemu sama ada kita nak buat gasing atau kita nak jadi pemain kita tidak boleh jemu, kita kena belajar betul-betul. Kita kena berjanji dengan diri kita belajar dengan baik.

NA : Bagaimanakah cara untuk mainkan permainan gasing piring ini?

IM : Untuk gasing ini kita perlu, utama sekali kita kena ada satu pasukan. Jadi saya ni [ini] ada pasukan gasing Kubang Che Ayu jadi kita kena ada pemain baru kita main. Ada ahli 15 orang pemain ahli semua termasuk dengan ketua sekalilah, lepas tu [itu] kita kena ada pembuat gasing, kalau tak [tidak] ada pembuat gasing kita susah sikitlah, kita nak beli tak [tak] larat sebiji gasing empat ratus setengah (RM450), tiga ratus (RM300), empat ratus sebiji. Jadi kita perlu sediakan satu pasukan tu [itu] sebanyak 30 biji baru kita boleh main. Kalau tak [tidak] ada tukang gasing jadi payahlah kita kena ada pembuat gasing yang handal, kalau tak [tidak] handal jadi masalah sebabnya gasing ni [ini] kita buat

perlawanan, kalau tidak handal perlawanan kita selalu kalah. Jadi kalau yang handal tu [itu] macam ini kalau kita kalah bulan ini, bulan depan kita boleh fikir untuk dapatkannya. Jadi kena belajar untuk orang yang baru memang tidak bolehlah, tidak boleh setanding dengan orang lama. Kena belajar betul-betul dulu *nerssesing* (membuat penilaian) lepas tu [itu] kena tengok beberapa kali baru boleh jadi kita nak belajar ala kadar sahaja jadi pembuat gasing dalam perlawanan kita selalu kalah, setahun pun kita akan kalah.

**NA : Bagaimakah cara untuk bermain permainan gasing piring ini?**

**IM :** Cara untuk bermain kena ada 15 pemain, kita kena ada lima [5] orang pemusing. 5 pemusing di dalam gelanggang itu kena sediakan lebih kurang dalam bawah dan 30 kaki dari atas. Jadi kita kena ada situ, cara pusing bergilir-gilir macam pasukan A dengan pasukan B berlawan. Lepas tu [selepas itu] semua sekali pusing kita letak satu tempat lepah tu [selepas itu] kita tengoklah gasing mana yang berhenti dulu dia akan kalah, jadi yang *last* [terakhir] sekali yang berhenti itu akan dapat kemenangan.

**NA : Bagaimakah gasing piring boleh berkembang atau popular?**

**IM :** Gasing ini ikut sejarahlah sikit gasing ni [ini] dia terdapat di kawasan sini yang dulunya di perintah Kesultanan Jembal, gasing ini dimainkan di kawasan perintah Kesultanan Jembal. Kawasan-kawasannya bermula daripada Kawasan Pengkalan Chepa sampailah ke Pasir Puteh dan seterusnya sampai ke Besut, Terengganu. Jadi kawasan-kawasan sini sahaja yang bermain gasing kadangkala orang Kelantan sendiri pun tidak kenallah. Contohnya kalau di sebelah Tanah Merah ke kawasan Puteri Saadong sahaja, ada yang kenal belaka ada yang anak jati Tanah Merah tidak kenal. Sebab tu [itu] gasing ini kira sasterawan sendiri pun tak [tidak] kenal, kita kena terangkan macam mana jadi bila tengok tu [itu] gasing ini merupakan satu alat perpaduan walaupun dia satu permainan kerana semasa perlawanan kita boleh kenal dari penonton berasal dari mana atau pemain

ke sekaligus nak tengok gasing kalah menang semasa 2 jam lebih kita boleh berborak, berjumpa dengan kawan lama, haa gitu [begitu].

**NA : Adakah Encik Ismail meminati gasing lain dari selain dari gasing piring?**

IM : Gasing lain kira saya tak [tidak] minatlah cuma tengok jelah [sahajalah] diaorang main gitu je [begitu sahaja], gasing yang lain tu [itu] macam yang saya cakap tadiyah gasing lain tidak masuk dalam jiwa. Cuma bagi saya gasing lain tidak penuh dengan senilah cuma pusing pangkah jadi tidak ada apa benda pun. Tapi kalau tengok gasing uri ni [ini] dia lain *carburizing* (ketahanan dan kekuatan) dah cantik dan menarik dah. Itu seni dia.

**NA : Adakah Encik Ismail jual gasing piring itu? Kalau Encik jual berapa satu harga gasing?**

IM : Memang kita jual gasing, kita jual kalau saiz permainan, siaz biasalah iaitu saiz standard kita jual tiga ratus setengah (RM350) dan kalau yang kecil tu [itu] harga ikut saizlah kalau ada yang tempah 24 inci kita jual dengan harga lain 26 inci dengan harga lain, tengoklah atas tempahan kadang-kadang kalau diaorang nak pada-pada 2 inci juga tengok pada tempahan walaupun kecil [kecil] harganya tinggi jugaklah [jugalah] pasal lagi kecil [kecil] lagi susah nak buat. Jadi ikut tempahan begitu juga dengan saiz dia.

**NA : Berapakah corak gasing piring yang dihasilkan?**

IM : Corak tu [itu] kira, gasing tak [tidak] ada corak kira macam tu je [itu sahaja] dia Cuma warna kayu yang berbeza. Warna kayu kalau kayu kuning ke, kayu hitam ke macam gitulah [begitulah] dia punya warna, macam kain kat [dekat] kedailah. Jadi kalau corak dia macam itu jelah [sahajalah].

- NA : Siapakah pelanggan yang selalu membeli gasing piring Encik Ismail?
- IM : Pelanggan tu [itu] kira tak [tidak] tentu lah, kira kadang-kadang pelancong ramai tidak kira pelancong domestik atau luar negara. Dan satu lagi ketua-ketua pejabat kadang-kadang dia *boring* (/bosan) dia banyak berfikir dia letak gasing kat depan dia pusing dan tengok gitu [begitu] lepah tu [selepas itu] dia buat keje [kerja] dia balik. Tapi banyak pelanconglah beli, pelancong ini daripada Korea, daripada Mat Saleh [orang putih], daripada Denmark.
- NA : Apakah warna yang sering popular orang beli?
- IM : Warna tu [itu] kalau Mat Salleh dia suka warna merah, kalau orang dalam negeri ke warna campur-campur. Contohnya, kalau ada warna putih dia ada warna hitam ke, warna kuning... warna yang bercampurlah gitu [begitu]. Kalau Mat Salleh dia suka satu warna je [sahaja] kalau kuning, kuning semua, kalau hitam, hitam semua.
- NA : Maafkan saya untuk bertanya soalan ini. Adakah pandemic covid-19 ini memberi kesan terhadap penghasilan dan jualan gasing piring?
- IM : Memang banyak memberi kesan sebabnya sebenarnya bukanlah bab-bab gasing sahaja bab lain pun kira kita bermiaga macam kita pun terkesan jugak [juga]. Jadi hidup kita hari-hari, harini [hari ini] bila nak berakhir episod ini akan terjadi? Kalau berakhir episode ini okaylah [baiklah] kalau tidak berakhir macam inilah. Sekarang ini kira hidup dalam kesunyian. (Encik Ismail ketawa).
- NA : Selain itu, adakah Bengkel mengajar tu [itu] masih dijalankan semasa pandemik covid-19 ini?

IM : Dah berhenti. Segala-galanya sekarang ini aktiviti *stop* (berhenti) semua, tak [tidak] ada buat langsung. Kalau ada pelajar-pelajar mungkin kira kalau dari UMK kan (Universiti Malaysia Kelantan) diaorang cuti boleh datang. Dia curi-curi jugaklah [jugalah] ke mari. Itu hari, dua hari lepas daripada Puncak Alam kebetulan budak itu budak dari sini jah [sahaja] budak dari Kota Bharu, jadi dia datang baliklah, dia buat macam awak jugaklah [jugalah] tapi dia buat secara *direct* (terus) jadi sekejap jugaklah [jugalah]. Tapi daripada biasanya banyak terima pelajar dari UiTM (Universiti Teknologi MARA) Seri Iskandar, tapi tahun ni [ini] saya rasa tidak ada lagilah. Macam saya kata tadiyah sekarang ini hidup dalam kesunyian.

## F. PENCAPAIAN

NA : Dari segi pencapaian pulak [pula], Adakah Encik Ismail pernah menerima anugerah dalam permainan gasing piring?

IM : Saya sebenarnya banyak terima anugerah daripada kerajaan negeri Kelantan. Jadi, kalau sijil tu [itu] kira dekat rumah banyal la sijil sebabnya pasukan saya ni [ini], pasukan Kubang Che Ayu ni [ini] adalah merupakan promosi negeri Kelantan ke pelancong, jadi pernahlah buat *show* (pertunjukan) di London, lepas tu [selepas itu] pernah masuk ke Indonesia dan meratalah. Andai kata kalau saya tak [tidak] main gasing memang tak [tidak] sampailah saya ke London dan ke mana-mana. Jadi kita pergi pun bukanlah buat diri kita, kita pergi pun buat *show* (pertunjukan) itu kadangkalanya dia ada melawat hotel kea pa ke semua sekali la. Kalau ada tahun melawat Malaysia kita akan bekerja dengan agensi pelancongan Malaysia. Kalau ada melawat Kelantan kita akan bekerja dengan kerajaan negeri Kelantan, gitu jelah [begitu sahajalah].

NA : Boleh Encik sebutkan salah satu anugerah yang diterima?

IM : Selalunya anugerah itu semasa perlawanan, sebab perlawanan itu semasa kita ad akita selalu bertanding yang kita masuk ini dibuat dekat stadium tu kan [itu kan]. Tapi sekarang tak [tidak] ada lagilah. Jadi tiap-taip kali kita masuk bertanding, kita selalu dapat anugerah sama ada pemusing terbaik, gasing terbaik, pembuatan terbaik dan macam-macamlah anugerah. Jadi banyak daripada kerajaan negeri Kelantan jadi kalau ada daripada luar pun atau dari mana-mana pun kiranya bila kita buat *show* (pertunjukan) dekat sana tu [itu] akan bagi sijil jugalah [jugalah].

NA : **Adakah Encik pernah masuk surat khabar atau artikel media sosial?**

IM : Banyak, kita punya tu [banyak] dekat TV (televisyen) pun kita banyak. Dekat TV (televisyen) kita masuk Majalah 3 (program televisyen) sebanyak 2 kalilah, TV1 (siaran televisyen) dalam Diari Seni ada masuk 2 kali dah. Lepas tu [Selepas itu], banyaklah kalau TV [televisyen] tu [itu] dah habis *channel* (siaran) kita masuk. Tapi kalau surat khabar tu [itu] macam New Times ke apa ke, Sinar harian dan semua sekali ada. Dan ada sesetengah daripada itu kita ada simpan.

## G. SUMBANGAN

NA : **Saya akan bertanya mengenai sumbangan pulak [pula]. Dari segi keluarga adakah melalu pembuatan gasing piring ini Encik Ismail dapat menampung kehidupan keluarga Encik?**

IM : Itu dah semestinya sebab apa sambil kita bermain sambil kita apa pun rezeki kita bertambah sama ada daripda kita penjualan gasing daripada buat demonstrasi mana-mana kita pergi la diaorang akan bayar. Jadi itu merupakan satu kerja jugalah, jadi dikira tahun ini tahun yang tak [tidak] jadi la. Tapi, kalau sebelum ini kita jarang sekali ada dalam

negeri, dalam masa sebulan itu [itu] ada dekat kampung pun dalam 10 hari atau lima jelah [sahajalah] yang lain tu [itu] banyak diluar negerilah.

NA : **Kalau sumbangan kepada masyarakat, Encik Ismail selalu berkongsi ilmu kepada masyarakat, Enck rasa seronok tak [tidak] orang tahu mengenai gasing piring ini?**

IM : Dia macam inilah, kalau kita pergi buat *show* (pertunjukan) contohnya kat [dekat] manapunalah sama ada di dalam negeri ke luar negeri apa lagi untuk penonton ramai. Apabila penonton ramai kita kira kita dah berjaya cuman satuh je [sahaja] kita kena banyak bila orang tanya kita banyak soal jawablah. Jadi satu hari tu [itu] kita bermain itu, satu hari itu kita akan jawab soalan sahaja, macam mana gasing jadi gini [begini] bagitau [beritahu] nak belajar ke apa macam itulah. Jadi sumbangan itu saya rasa paling besar jugaklah [jugalah] dengan bagitau [beritahu].

NA : **Sumbangan kepada negara pulak [pula], Encik Ismail pernah bermain di luar negara kan?**

IM : Negara pun sama jugalah sebab pasukan saya adalah pasukan promosi negeri, jadi apa-apa saya pergi pun sebenarnya menarik pelancong datang ke sini. Jadi contohnya dekat Thailand kita akan tarik orang Thailand datang ke Kelantan atau pun ke KL (Kuala Lumpur). Jadi semasa kita buat *show* (pertunjukan) bila ada orang tanya kita kena bagitau [beritahu] dia bagaimana dan macam mana. Pasal dia tanya tu [itu] diaorang berminat haa gitu [begitulah].

NA : **Bagaimanakah perasaan Encik bila Encik terpilih untuk menyertai pertandingan gasing piring di dalam atau luar negara?**

IM : Perasaan itu memang seronoklah, jadi kalau kita tanpa ada kemahiran macam ni [ini] jadi kita pergi pun macam bercuti lepas sana sini dapat, gitu [begitulah] hasilnya berbaloi jugalah. Jadi kita boleh kenal negeri orang lepas tu [itu] boleh promosi permainan kita. Jadi hati tu [itu] memang seronoklah kadangkala kita rasa macam artis.

NA : **Berapa kalikah Encik menyertai pertandingan gasing piring?**

IM : Selagi ada je [sahaja] pertandingan kita mesti tidak lepas peluang dan kita masuk. Kalau kita masuk pertandingan semestinya kita johan, jadi tak [tidak] ada yang *fail* (gagal) lagi la. Bila kita masuk pertandingan ada pernah kita di Kelantan ni [ini] di Kota Bharu kita diboikot pasal kita selau menang jadi pasukan lain tak [tidak] nak masuk bertanding, haa macam itulah.

NA : **Kenapa diboikot?**

IM : Diboikot pasal kita selalu menang, apabila kita masuk bertanding tak [tidak] ada orang lain menang kita yang menang jadi diaorang takut nak masuk. Jadi tahun tu [itu] kita tak [tidak] masuklah bertanding.

## H. HARAPAN

NA : **Dari segi harapan pula, apakah harapan Encik Ismail kepada bakat anak muda akan datang mengenai gasing piring? Harapan Encik untuk anak muda sekarang?**

IM : Harapan saya, jangan biarkan permainan ini pupus. Jadi buat sekarang saya tak [tidak] risau lagilah pasal pengganti saya dah ada. Jadi kalau dah ada pengganti say tidak risau lagilah diaorang akan teruskan legasi. Kalau patah tumbuh hilang berganti jadi satu masa

nanti pun diaorang akan jadi macam ini jugak [juga]. Pasal gasing ini bukan benda baru daripada tahun 1600 saya rasa sampai hari ini dia boleh bertahan. Kalau kita ingat tarikh Kesultanan Jembal itu kita boleh tulah tarikh dia, bermula dari situ dia bermain gasing kalau tahun 1511 itu Portugis kalah lah, Melaka kalah dengan Portugis kan? Jembal ini dalam era tu [itu] jugalah jadi dah berapa ratus tahun sampai ke hari ini gasing setakat bermain.

**NA : Berapa orangkah yang Encik latih untuk menjadi sebagai pengganti Encik?**

IM : Saya latih dalam dua atau tiga orang jugalah, dalam satu pasukan jugalah. Jadi kalau ada apa-apa pun dia akan terus sama jugalah dan kita pernah dedahkan kepada negeri lain jugalah merata kita bawak seperti Indonesia kalau tidak ada dalam negeri memang selalulah. Kalau ada apa-apa di negeri ini satu hari nanti diaoranglah yang akan teruskan.

**NA : Bagaimana nak pengaruhi anak-anak muda untuk mereka belajar mengenai gasing piring?**

IM : Dia apa-apa permainan apa-apa benda sekali pun kalau tidak kenal maka tak [tidak] cinta kan (Encik Ismail tersenyum). Jadi kalau diaorang cuba dan diaorang dapat dia akan suka dia akan sayang sama jugaklah dengan permainana gasing ini tak [tidak] kenal maka tak [tidak] cinta. Apabila kenal dengan permainan gasing ni [ini] dia aka sayang pasal gasing ini adalah merupakan satu permainan bersih, bersih daripada segala-galanya. Satu lagi gasing boleh dimainkan macam-macam lapisan tak [tidak] kira kerja cikgu, doktor dan semua orang boleh main, bila bergabung dalam satu pasuka itu tidak ada apa-apa lagi tidak ada kasta lagi dah, sama semua.

**NA : Macam mana Encik memperkenalkan gasing piring ini kepada anak-anak muda sekarang?**

IM : Dia gasing ini dengan cara tulah [itulah] dengan buat *show* (pertunjukan) dengan buat demonstrasi permainan. Apabila kita buat demonstrasi permainan itu sekejap je [sahaja], bukan lama pun bila sekejap tu [itu] dia tengok tak [tidak] puas, Apabila diaorang tengok tak [tidak] puas jadi minat diaorang agak-agak prihatinlah jadi kalau kita buat satu benda itu, kalau dah lama sangat kalau satu hari kita buat pertunjukan dia akan jadi puas dan akan jadi jemu jugak [juga] tapi kalau kita buat sekejap je [sahaja] dia akan meresap di hati di situ timbul minat dia nak mencuba.

NA : **Sekarang ini apakah cita-cita yang belum dicapai oleh Encik Ismail?**

IM : Bagi saya pasal pengalaman saya, saya nak pergi buat *show* (pertunjukan) mana-mana pun tidak dapat semua sekali lepas tu [selapas itu] nak jadi permainan gasing ini tinngi daripada pasukan orang lain pun saya dah dapat. Jadi saya rasa dah cukuplah yang mana dengan umur saya ini dah cukup puas hati dah.

NA : Terima kasih Encik Ismail. Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai latarbelakang, sejarah pendidikan, pengalaman kerjaya, pencapaian, serta sumbangan dan harapan Encik Ismail Mohamed dalam bidang kesenian gasing piring. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni tradisional gasing piring kepada para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

IM : Sama-sama.

# **RUJUKAN**

## **RUJUKAN**

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian negara JKKN (2021). *Gasing*. Diambil dari

<http://www.jkkn.gov.my/ms/gasing>

Nor ‘Asyikin Mat Hayin. (2019, January 16). Dekati PERMAINAN TRADISIONAL. Retrieved July 20, 2021, from <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2019/01/412636/dekati-permainan-tradisional>

Rohaiza Ab Rahman. (2019, April 2). *Komitmen Ismail kekalkan seni membuat gasing piring*. Diambil dari <https://mediapermata.com.bn/komitmen-ismail-kekalkan-seni-membuat-gasing-piring/>

Naquiah Nahar, Sahrunizam Sangi, Dharsigah A/P Baniear Salvam, Nurhidayu Rosli & Abdul Hafiz Abdullah. (2017). *Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja*. Diambil oleh [http://eprints.utm.my/id/eprint/84837/1/NaquiahNahar2018\\_ImpakNegatifTeknologiModenDalamKehidupan.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/84837/1/NaquiahNahar2018_ImpakNegatifTeknologiModenDalamKehidupan.pdf)

Pecukelate. (2013, Ogos 5). *Permainan tradisional kelantan*. Diambil oleh <http://pecukelate.blogspot.com/2013/08/permainan-tradisional-kelantan.html?m=1>

Shafikar Mohamad. (2016, November 5). *Permainan tradisional Negeri Kelantan*. Diambil oleh <http://shafikarmohamad.blogspot.com/2016/11/permainan-tradisional-negeri-kelantan.html>

Tokoh permainan tradisional gasing piring oleh Encik Ismail bin Mohamed [Telephonenterview]. (2021, June 24).

Zuriawati Ahmad Zahari, Mohd Asyiek Mat Desa & Norfarizah Mohd Bakhir. (2014). *Permainan tradisional dan teknologi: Penelitian dan tinjauan terhadap persepsi kanak-kanak*. Diambil dari [http://eprints.usm.my/39095/1/FULL\\_PAPER\\_090.pdf](http://eprints.usm.my/39095/1/FULL_PAPER_090.pdf)

# LAMPIRAN

## LOG WAWANCARA

Fatin Akma Muhammad Zin dan Nur Ayuni Md Azmi menemuramah Encik Ismail Mohamed, yang dilahirkan pada 1954, di Kota Bharu, Kelantan. Temuramah ini dijalankan, menggunakan platform video whatsapp. Mengenai kepakaran beliau dalam pembuatan gasing piring.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH</b>		
00:53	Pengenalan mengenai latar belakang tokoh	Ismail bin Mohamed Kampung Padang Bemban, Kota Bharu 2 September tahun 1954
03:40	Pengenalan mengenai latar belakang keluarga tokoh	Mohamad bin Abdul Rahman Hajjah Halipah binti Ismail Kampung Padang Bemban Kampung Cheras
05:29	Pengenalan mengenai pasangan dan anak-anak tokoh	Normah binti Yusof Rosmawati binti Ismail Zana binti Ismail Rohayu binti Ismail
<b>BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN TOKOH</b>		
07:01	Pengenalan mengenai pendidikan awal tokoh	Sekolah Kebangsaan Mentuang Sekolah Menengah Raja Sakti Kolej Vokasional Pengkalan Chepa
07:30	Jawatan yang disandang	Tidak memegang apa-apa jawatan (pelajar biasa)

07:51	Nama sekolah menengah	Sekolah Menengah Raja Sakti Sekolah Vokasional Pengkalan Chepa
08:14	Mata pelajaran diambil	Sains Bahasa Malaysia Sejarah Lukisan
08:39	Sebab meminati mata pelajaran tersebut	Secara tiba-tiba meminati mata pelajaran tersebut
08:51	Guru diminati	Abdullah Palestin Guru Cina
09:43	Pengalaman manis	Banyak kenangan manis Belajar sangat seronok
10:13	Pengaktifan diri dalam bidang sukan	Bola sepak Penjaga gol
11:11	Sebab meminati permainan sukan	Ada idola Mokhtar Dahari
11:51	Pelajaran yang disambung selepas tamat sekolah menengah	Tingkatan 6 Sekolah Menengah Isnah di Kota Bharu
12:39	Cabarannya semasa belajar	Macam pelajar lain Kadang-kadang tidak cemerlang bergantung pada nasib
13:04	Bidang kursus diambil	Architecture (Seni Bina) Bina bangunan

14:29	Lokasi tinggal semasa belajar	Rumah sewa Kampung Lalat
14:52	Permohonan biasiswa	Tiada Guna duit sendiri

#### **BAHAGIAN C: PEKERJAAN AWAL TOKOH**

15:50	Pekerjaan awal tokoh	Wiring  Buat bangunan  Kerja kontrak
16:41	Sebab memilih pekerjaan itu	Supaya tidak bosan  Sambil buat gasing mesti ada buat kerja lain juga
17:41	Orang yang mendorong memilih pekerjaan tersebut	Tiada siapa yang mendorong  Atas dasar meminati
18:12	Pengalaman / peristiwa tidak dilupakan	Kematian  Mendengar lagu  Mengingati persitiwa tersebut
19:31	Gaji pekerjaan tersebut	RM2000
19:49	Tempoh masa diambil	Lebih kurang 8 Jam

--	--	--

#### **BAHAGIAN D: PENGALAMAN KERJAYA**

20:25	Pengalaman kerjaya	Faktor keturunan Kuala Lumpur
21:35	Lokasi memulakan kerjaya gasing piring	Kampung Padang Bemban
22:23	Sebab melibatkan diri dalam bidang gasing piring	Menyambung legasi keturuan keluarganya
25:49	Orang yang mendorong meminati bidang gasing piring	Tiada sesiapa
26:11	Tempoh masa terlibat dalam pembuatan gasing piring	40 Tahun
26:37	Penubuhan bengkel	Kampung Padang Bemban Jumaat dan Sabtu 8 pagi hingga petang

#### **BAHAGIAN E: PEMAINAN TRADISIONAL GASING PIRING**

35:39	Jenis gasing yang dihasilkan  Kenapa dinamakan sebagai gasing piring  Reka bentuk	Gasing piring  Gasing uri  Bentuknya leper macam piring
40:03	Bahan yang diperlukan buat gasing	Kayu merbau  Kayu bebaru  Tali jedela
42:09	Saiz gasing	4 inci  6 inci

44:17	Berapa lama gasing berpusing	2 jam setengah Untuk rekod 2 jam 48 minit
44:51	Bilangan gasing piring yang dihasilkan Siapa membantu	Beribu 2 atau 3 orang pembantu
46:34	Gasing piring mudah dimainkan	Perlu bentuk kumpulan seramai 15 orang termasuk ketua
49:29	Cara bermain gasing piring	5 orang pemain (pemusing) dalam gelanggang
53:14	Harga setiap gasing Pelanggan yang selalu membeli	Mengikut saiz dari harga RM350 Pelancong domestik dan luar negara
55:56	Kesan Covid-19	Memberi banyak kesan
56:42	Bengkel mengajar masih diteruskan semasa pandemik	Diberhentikan seketika

#### **BAHAGIAN F: PENCAPAIAN**

58:00	Anugerah dalam permainan gasing	Dimenangi semsa pertandingan Buatan gasing terbaik
60:37	Memasuki siaran televisyen Keratan akhbar	Majalah 3 Diari Seni di TV1 New Times Sinar Harian

#### **BAHAGIAN G: SUMBANGAN**

1:01:26	Keluarga	Selain bermain dapat menampung keluarga
1:02:31	Masyarakat	Berkongsi ilmu dengan masyarakat
1:03:54	Negara	Mempromosi permainan gasing ke orang ramai sama ada dalam negara atau luar negara

#### **BAHAGIAN H: HARAPAN**

1:06:51	Kepada generasi muda	Tanamkan minat Buat demonstrasi pendek
1:11:11	Cita-cita belum dicapai	Cita-cita dah capai Pengalaman membuat pertunjukan disemua tempat Usia sudah lanjut

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
11.39 pagi – 11.45 pagi	28 April 2021	<p><b>Panggilan Telefon</b></p> <p>Membuat panggilan kali pertama melalui telefon kepada tokoh. Panggilan adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah dan memohon nombor yang ada whatsapp untuk menghantar surat pengesahan untuk ditemuramah.</p>	
12.49 tengah hari – 1.00 petang	17 Jun 2021	<p><b>Panggilan Telefon</b></p> <p>Membuat panggilan telefon kali kedua kepada tokoh. Panggilan adalah untuk memohon sedikit informasi maklumat tentang tokoh untuk diletakkan di dalam proposal dan mohon kebenaran untuk membuat group whatsapp.</p>	
12.20 tengah hari – 1.15 petang	21 Jun 2021	Melakukan percubaan kali pertama untuk ditemuramah melalui aplikasi messenger meeting room tetapi Encik Ismail tidak boleh memasuki.	Catatan awal
5.59 petang – 6.10 petang	23 Jun 2021	Melakukan percubaan kali kedua untuk ditemuramah melalui panggilan video call whatsapp tarikh berbual-bual dengan tokoh.	Catatan akhir
2.30 petang – 3.45 petang	24 Jun 2021	<p><b>Sesi temuramah tarikh tokoh.</b></p> <p>Sesi temuramah ini menggunakan platform video whatsapp. Temuramah ini bertujuan untuk mengetahui kepakaran beliau dalam permainan tradisional gasing piring.</p>	Catatan dan rakaman dilakukan semasa sesi temuramah.

# SENARAI SOALAN YANG LAMA

**Draf Interview (Fatin Akma & Nur Ayuni)**

**Topik:** Tokoh permainan tradisional gasing piring oleh Encik Ismail bin Mohamed

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai **latar belakang dan pengalaman hidup** seorang tokoh dalam **bidang pembuatan gasing piring**. Bersama-sama kami ialah **Encik Ismail Mohamed** yang merupakan seorang **pembuat gasing dengan menjadikan seni membuat gasing sebagai kerjaya utamanya bermula pada tahun 1984**. Rakaman ini dijalankan pada tarikh **30 Jun 2021** bersamaan dengan hari **Rabu** pada pukul **10 pagi** bertempat di Kampung Padang Bemban, Kota Bharu. Temubual ini dikendalikan oleh **Fatin Akma** dan **Nur Ayuni**.

## A. Latar belakang

1. Bolehkah Encik Ismail ceritakan serba sedikit latar belakang Encik iaitu nama penuh Encik, umur, tempat lahir dan sebagainya?
  - Apakah nama penuh Encik Ismail?
  - Bilakah Encik Ismail dilahirkan?
  - Dimanakah Encik Ismail dilahirkan dan dibesarkan?
  - Dimanakah tempat tinggal Encik Ismail sekarang?
  - Berapakah umur Encik Ismail sekarang?
2. Adakah Encik Ismail ada nama panggilan atau nama gelaran? – maksud kami nama timang-timangan dan sebagainya?
3. Apakah nama panggilan itu?
4. Bagaimanakah Encik Ismail boleh mendapat nama gelaran itu?
5. Seterusnya, bolehkah Encik Ismail ceritakan sejarah latar belakang keluarga Encik seperti nama ibu bapa Encik, bilangan adik-beradik dan sebagainya?
  - Siapakah nama ibu Encik Ismail?
  - Siapakah nama ayah Encik Ismail?
  - Berapakah bilangan adik-beradik Encik Ismail?
  - Encik Ismail anak yang ke berapa dalam kalangan adik beradik Encik Ismail?
6. Soalan selanjutnya, berkenaan dengan pasangan Encik dan anak-anak, bolehkah Encik Ismail ceritakan seperti nama mereka, bilangan anak-anak dan pekerjaan mereka sekarang?
  - Siapakah nama isteri Encik Ismail?
  - Berapakah umur isteri Encik sekarang?

- Apakah pekerjaan isteri Encik?
- Berapakah bilangan anak-anak Encik Ismail?
- Apakah nama-nama anak Encik?
- Berapakah umur anak-anak Encik?
- Apakah pekerjaan anak-anak Encik Ismail sekarang?

## B. Sejarah Pendidikan

Mengenai sejarah Pendidikan pula, dimanakah Encik Ismail memulakan pendidikan awal?

### 1. Sekolah rendah

- Apakah nama sekolah rendah Encik Ismail?
- Dimanakah Encik Ismail bersekolah rendah?
- Adakah Encik Ismail ada memegang jawatan di sekolah rendah? -seperti pengawas sekolah, pengawas perpustakaan dan sebagainya

### 2. Sekolah menengah

- Apakah nama sekolah menengah Encik Ismail?
- Berapakah mata pelajaran atau subjek yang Encik Ismail ambil?
- Dalam banyak-banyak mata pelajaran ataupun subjek, yang manakah subjek yang Encik minati?
- Mengapakah Encik Ismail meminati subjek tersebut?
- Siapakah guru yang Encik Ismail minati? - maksud kami guru yang membuatkan Encik Ismail suka belajar dengan beliau?
- Apakah pengalaman manis yang Encik Ismail masih ingat pada zaman sekolah menengah?
- Adakah Encik Ismail mengaktifkan diri di sekolah- maksud kami mengaktifkan diri dengan melibatkan diri dalam bidang sukan/ atau memasuki mana-mana persatuan dan kelab di sekolah?
- Apakah sukan / persatuan yang Encik Ismail minati?
- Kenapakah Encik Ismail meminati sukan / persatuan tersebut?
- Adakah Encik Ismail pernah mewakili sekolah atau pernah memenangi sukan tersebut?
- Apakah yang mendorong Encik Ismail meminati sukan/ persatuan tersebut?

### 3. Adakah Encik Ismail melanjutkan pelajaran selepas itu?

- Apakah nama universiti/ politeknik tersebut?
- Apakah bidang kursus / pengajian yang Encik ambil?

- Berapakah jurusan yang Encik Ismail pilih?
- Apakah jurusan tersebut?
- Kenapakah Encik Ismail memilih jurusan tersebut
- Apakah yang mendorong Encik Ismail menyambung pelajaran di universiti?
- Adakah Encik Ismail ada memohon biasiswa?
- Dimanakah Encik Ismail tinggal semasa belajar di universiti – maksud kami tinggal di asrama atau rumah sewa
- Apakah cabaran semasa belajar di universiti?

### **C. Pekerjaan awal**

#### **1. Selepas Encik Ismail menamatkan pengajian universiti, bolehkah Encik berikan pekerjaan awal Encik?**

- Apakah pekerjaan awal yang Encik Ismail lakukan selepas menamatkan pengajian di universiti?
- Dimanakah pekerjaan awal Encik Ismail?
- Mengapakah Encik Ismail memilih pekerjaan tersebut?
- Siapakah yang mendorong Encik Ismail menerima tawaran kerja tersebut?
- Apakah pengalaman atau peristiwa yang Encik Ismail tidak pernah lupakan semasa bekerja di situ?
- Berapakah gaji kerja tersebut waktu itu?
- Berapa lamakah Encik Ismail bekerja?
- Kenapakah Encik Ismail berhenti bekerja?

### **D. Pengalaman kerjaya**

#### **1. Selepas Encik Ismail berhenti daripada pekerjaan awal, bolehkah Encik Ismail terangkan bagaimana Encik Ismail boleh terlibat dalam bidang pembuatan gasing piring?**

- Dimanakah Encik Ismail memulakan bidang pembuatan gasing piring?
- Mengapakah Encik Ismail memilih untuk melibatkan diri dalam bidang pembuatan gasing?
- Adakah Encik Ismail meminati bidang permainan gasing piring sejak kecil lagi?
- Mengapakah Encik Ismail meminati gasing piring?
- Siapakah yang mendorong Encik Ismail terlibat dalam bidang pembuatan gasing piring ini?
- Berapa lamakah Encik Ismail terlibat dalam pembuatan gasing piring?

- Adakah Encik ada menubuhkan bengkel untuk pengajian pembuatan gasing kepada golongan masyarakat yang meminati permainan gasing piring?
- Berapakah bayaran untuk menyertai bengkel tersebut?
- Bilakah bengkel tersebut diadakan?
- Berapakah tempoh bengkel tersebut?
- Siapakah yang boleh menyertai bengkel tersebut?
- Adakah Encik Ismail sahaja yang mengajar?
- Adakah pembuatan gasing piring juga dikatakan hobi Encik Ismail?

#### **E. Permainan Tradisional Gasing Piring**

- Kenapa gasing itu dinamakan sebagai gasing piring?
- Bolehkan Encik sebutkan nama-nama jenis gasing piring yang telah dihasilkan?
- Berapakah bilangan gasing piring yang pernah dihasilkan oleh Encik?
- Dimanakah tempat pembuatan gasing piring?
- Siapakah yang membantu Encik Ismail dalam pembuatan gasing piring?
- Adakah gasing piring ini mudah dimainkan?
- Bagaimanakah cara memainkan permainan gasing piring ini?
- Bagaimanakah gasing piring boleh berkembang atau popular?
- Adakah Encik Ismail meminati gasing lain selain daripada gasing piring?
- Berapakah harga setiap gasing piring?
- Berapakah corak gasing piring yang telah dihasilkan?
- Siapakah pelanggan yang selalu membeli gasing piring Encik Ismail?
- Apakah corak gasing piring yang popular dibeli oleh pelanggan?
- Adakah pandemic covid19 memberi kesan terhadap penghasilan dan jualan gasing piring?
- Adakah bengkel mengajar dijalankan semasa pandemic covid19? Kalau masih berjalan bagaimana Encik menguruskannya?

#### **F. Pencapaian**

- Adakah Encik Ismail pernah memenangi anugerah dalam permainan gasing piring?
- Berapakah anugerah yang telah dimenangi?
- Adakah pernah memasuki dalam surat khabar?

#### **G. Sumbangan**

##### **1. Keluarga**

- Adakah melalui pembuatan gasing piring ini, Encik Ismail dapat menampung kehidupan keluarga Encik?

## **2. Masyarakat**

- Adakah Encik Ismail pernah berkongsi ilmu pembuatan gasing piring kepada masyarakat?
- Adakah Encik ada memberi sumbangan seperti menderma, membantu golongan asnaf dan sebagainya?

## **3. Negara**

- Adakah Encik Ismail pernah menyertai pertandingan di luar negara?
- Apakah nama negara tersebut?
- Bagaimanakah perasaan Encik bila enciik terpilih untuk menyertai pertandingan gasing piring?
- Berapa kalikah Encik menyertai pertandingan gasing piring?
- Adakah Encik pernah menyertai pertandingan gasing piring ke peringkat negara atau antarabangsa?

## **H. Harapan**

- Apakah harapan Encik Ismail kepada bakal anak muda akan datang mengenai gasing piring?
- Bagaimana nak mempengaruhi anak-anak muda untuk mereka belajar mengenai gasing piring?
- Macam mana nak memperkenalkan kepada anak-anak muda mengenai gasing piring ini?
- Apakah cita-cita yang belum dicapai oleh Encik Ismail?

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai **latar belakang, sejarah endidikan, pengalaman kerjaya, pencapaian, serta sumbangan dan harapan Encik Ismail Mohamed dalam bidang kesenian gasing piring.** Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni tradisional gasing piring kepada para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

# **SENARAI SOALAN YANG BARU**

## **Draf Interview (Fatin Akma & Nur Ayuni)**

**Topik:** Tokoh permainan tradisional gasing piring oleh Encik Ismail bin Mohamed

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai **latar belakang dan pengalaman hidup** seorang tokoh dalam **bidang pembuatan gasing piring**. Bersama-sama kami ialah **Encik Ismail Mohamed** yang merupakan seorang **pembuat gasing dengan menjadikan seni membuat gasing sebagai kerjaya utamanya bermula pada tahun 1984**. Rakaman ini dijalankan pada 44arikh 24 Jun 2021 bersamaan dengan hari **Khamis** pada pukul menggunakan platform video whatsapp. Temubual ini dikendalikan oleh **Fatin Akma** dan **Nur Ayuni**.

Baiklah. Untuk permulaan temuramah ini,

### **A. Latar belakang**

1. Bolehkah Encik Ismail ceritakan serba sedikit latar belakang Encik iaitu nama penuh Encik, bila dilahirkan, umur, tempat lahir dan sebagainya?

- Apakah nama penuh Encik Ismail?
- Bilakah Encik Ismail dilahirkan?
- Dimanakah Encik Ismail dilahirkan dan dibesarkan?
- Dimanakah tempat tinggal Encik Ismail sekarang?
- Berapakah umur Encik Ismail sekarang?

2. Adakah Encik Ismail ada nama panggilan atau nama gelaran? – maksud kami nama timang-timangan dan sebagainya?

3. Apakah nama panggilan itu?

4. Bagaimanakah Encik Ismail boleh mendapat nama gelaran itu?

5. Seterusnya, bolehkah Encik Ismail ceritakan sejarah latar belakang keluarga Encik seperti nama ibu bapa Encik, bilangan adik-beradik dan sebagainya?

- Siapakah nama ibu Encik Ismail?
- Berapakah umur ibu Encik Ismail?
- Siapakah nama ayah Encik Ismail?
- Berapakah bilangan adik-beradik Encik Ismail?
- Dalam kalangan adik beradik Encik Ismail, Encik Ismail anak yang ke berapa?

6. Soalan selanjutnya, berkenaan dengan pasangan Encik Ismail dan anak-anak, bolehkah Encik Ismail ceritakan seperti nama mereka, bilangan anak-anak dan pekerjaan mereka sekarang?

- Siapakah nama isteri Encik Ismail?
- Berapakah umur isteri Encik Ismail sekarang?
- Apakah pekerjaan isteri Encik Ismail?
- Berapakah bilangan anak-anak Encik Ismail?
- Apakah nama-nama anak Encik Ismail?
- Berapakah umur anak-anak Encik Ismail?
- Apakah pekerjaan anak-anak Encik Ismail sekarang?

## B. Sejarah Pendidikan

Mengenai sejarah Pendidikan pula, dimanakah Encik Ismail memulakan 45arikh45n4545 awal?

### 1. Sekolah rendah

- Apakah nama sekolah rendah Encik Ismail?
- Dimanakah Encik Ismail bersekolah rendah?
- Adakah Encik Ismail ada memegang jawatan di sekolah rendah? -seperti pengawas sekolah, pengawas perpustakaan dan sebagainya

### 2. Sekolah menengah

- Apakah nama sekolah menengah Encik Ismail?

- Berapakah mata pelajaran atau subjek yang Encik Ismail ambil?
- Dalam banyak-banyak mata pelajaran ataupun subjek, yang manakah subjek yang Encik Ismail minati?
- Mengapakah Encik Ismail meminati subjek tersebut?
- Siapakah guru yang Encik Ismail minati? – maksud kami guru yang membuatkan Encik Ismail suka belajar dengan beliau?
- Apakah pengalaman manis yang Encik Ismail masih ingat pada zaman sekolah menengah?
- Adakah Encik Ismail mengaktifkan diri di sekolah- maksud kami mengaktifkan diri dengan melibatkan diri dalam bidang sukan/ atau memasuki mana-mana persatuan dan kelab di sekolah?
- Apakah sukan / persatuan yang Encik Ismail minati?
- Kenapakah Encik Ismail meminati sukan / persatuan tersebut?
- Adakah Encik Ismail pernah mewakili sekolah atau pernah memenangi sukan tersebut?
- Apakah yang mendorong Encik Ismail meminati sukan/ persatuan tersebut?

### **3. Adakah Encik Ismail melanjutkan pelajaran selepas itu?**

- Apakah nama universiti/ politeknik tersebut?
- Apakah bidang kursus / pengajian yang Encik ambil?
- Berapakah jurusan yang Encik Ismail pilih?
- Apakah jurusan tersebut?
- Kenapakah Encik Ismail memilih jurusan tersebut
- Apakah yang mendorong Encik Ismail menyambung pelajaran di universiti?
- Adakah Encik Ismail ada memohon biasiswa?
- Dimanakah Encik Ismail tinggal semasa belajar di universiti – maksud kami tinggal di asrama atau rumah sewa
- Apakah cabaran semasa belajar di universiti?

## C. Pekerjaan awal

1. Selepas Encik Ismail menamatkan pengajian universiti, bolehkah Encik berikan pekerjaan awal Encik?

- Apakah pekerjaan awal yang Encik Ismail lakukan selepas menamatkan pengajian di universiti?
- Dimanakah pekerjaan awal Encik Ismail?
- Mengapakah Encik Ismail memilih pekerjaan tersebut?
- Siapakah yang mendorong Encik Ismail menerima tawaran kerja tersebut?
- Apakah pengalaman atau peristiwa yang Encik Ismail tidak pernah lupakan semasa bekerja di situ?
- Berapakah gaji kerja tersebut waktu itu?
- Berapa lamakah Encik Ismail bekerja?
- Kenapakah Encik Ismail berhenti bekerja?

## D. Pengalaman kerjaya

1. Selepas Encik Ismail berhenti daripada pekerjaan awal sebagai pegawai di telekomunikasi di Kota Bharu, bolehkah Encik Ismail terangkan bagaimana Encik Ismail boleh terlibat dalam bidang pembuatan gasing piring?

- Dimanakah Encik Ismail memulakan bidang pembuatan gasing piring?
- Mengapakah Encik Ismail memilih untuk melibatkan diri dalam bidang pembuatan gasing?
- Adakah Encik Ismail meminati bidang permainan gasing piring sejak kecil lagi?
- Mengapakah Encik Ismail meminati gasing piring?
- Siapakah yang mendorong Encik Ismail terlibat dalam bidang pembuatan gasing piring ini?
- Berapa lamakah Encik Ismail terlibat dalam pembuatan gasing piring?
- Adakah Encik ada menubuhkan bengkel untuk pengajian pembuatan gasing kepada golongan masyarakat yang meminati permainan gasing piring?
- Berapakah bayaran untuk menyertai bengkel tersebut?
- Bilakah bengkel tersebut diadakan?

- Berapakah tempoh bengkel tersebut?
- Siapakah yang boleh menyertai bengkel tersebut?
- Adakah Encik Ismail sahaja yang mengajar?
- Adakah pembuatan gasing piring juga dikatakan hobi Encik Ismail?

#### **E. Permainan Tradisional Gasing Piring**

- Terdapat berapa jenis gasing yang Encik hasilkan?
- Kenapa buat gasing piring dan gasing uri sahaja? Lagi mudah untuk dibuat?
- Kenapa gasing itu dinamakan sebagai gasing piring?
- Bolehkan Encik sebutkan nama-nama jenis gasing piring yang telah dihasilkan?
- Adakah gasing mempunyai reka bentuk yang tertentu?
- Bahan yang diperlukan untuk membuat gasing?
- Kalau tali pula, bagaimana jenis tali yang digunakan?
- Adakah gasing mempunyai pelbagai saiz?
- Berapa lama gasing ini boleh berpusing?
- Berapakah bilangan gasing piring yang pernah dihasilkan oleh Encik?
- Siapakah yang membantu Encik Ismail dalam pembuatan gasing piring?
- Adakah gasing piring ini mudah dimainkan?
- Bagaimanakah cara memainkan permainan gasing piring ini?
- Bagaimanakah gasing piring boleh berkembang atau popular?
- Adakah Encik Ismail meminati gasing lain selain daripada gasing piring?
- Berapakah harga setiap gasing piring?
- Berapakah corak gasing piring yang telah dihasilkan?
- Siapakah pelanggan yang selalu membeli gasing piring Encik Ismail?
- Apakah corak gasing piring yang popular dibeli oleh pelanggan?
- Apakah warna yang sering popular orang beli?
- Adakah pandemik covid-19 memberi kesan terhadap penghasilan dan jualan gasing piring?

- Adakah bengkel mengajar dijalankan semasa pandemik covid-19? Kalau masih berjalan bagaimana Encik menguruskannya?

## F. Pencapaian

- Adakah Encik Ismail pernah memenangi anugerah dalam permainan gasing piring?
- Berapakah anugerah yang telah dimenangi?
- Adakah pernah memasuki dalam surat khabar?

## G. Sumbangan

### 1. Keluarga

- Adakah melalui pembuatan gasing piring ini, Encik Ismail dapat menampung kehidupan keluarga Encik?

### 2. Masyarakat

- Adakah Encik Ismail pernah berkongsi ilmu pembuatan gasing piring kepada masyarakat?

### 3. Negara

- Adakah Encik Ismail pernah menyertai pertandingan di luar negara?
- Apakah nama negara tersebut?
- Bagaimanakah perasaan Encik bila encik terpilih untuk menyertai pertandingan gasing piring?
- Berapa kalikah Encik menyertai pertandingan gasing piring?
- Adakah Encik pernah menyertai pertandingan gasing piring ke peringkat negara atau antarabangsa?

## **H. Harapan**

- Apakah harapan Encik Ismail kepada bakal anak muda akan datang mengenai gasing piring?
- Bagaimana nak mempengaruhi anak-anak muda untuk mereka belajar mengenai gasing piring?
- Macam mana nak memperkenalkan kepada anak-anak muda mengenai gasing piring ini?
- Apakah cita-cita yang belum di capai oleh Encik Ismail?

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai **latar belakang, sejarah pendidikan, pengalaman kerjaya, pencapaian, serta sumbangaan dan harapan Encik Ismail Mohamed dalam bidang kesenian gasing piring.** Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni tradisional gasing piring kepada para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## Kelantan

# **PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN**

Saya **ISMAIL BIN MOHAMED**, K/P: **3400093883433**. Pada **24 Jun 2021** dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
  2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-pula tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
  3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee) .
  4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
    - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyalidik.

## Pengkisah (Tokoh) Encik Ismaili bin Mohamed

Nurulannisa binti Abdullah),  
b.p. Dekan,  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA.

## GAMBAR



Rajah 2 Encik Ismail memakai tanjak sebelum memulakan permainan



Rajah 3 Peralatan permainan gasing piring



Rajah 4 Piala yang dimenangi apabila menyertai pertandingan



Rajah 5 Tangkapan skrin gambar semasa melakukan panggilan video melalui WhatsApp



Rajah 6 Gambar dari video mengenai pertunjukan gasing piring di Kelantan



Rajah 7 Gambar dari video mengenai pertandingan gasing piring diadakan



Rajah 8 Encik Ismail menunjukkan bagaimana untuk memutarkan gasing piring

# **INDEKS**

# **INDEKS**

## **A**

Abang Nor VI, VII, IX, XI, 2

artikel 23

## **B**

benju 12

## **C**

covid-19 12, 13, 21, 57, 64, 65

cita-cita 26, 58, 64

## **H**

harga 20, 57, 64

## **J**

jual 9, 20

## **K**

Kesultanan Jembal 19, 25

## **M**

Malaysia 5, 6, 22, 67

## **P**

pangkah 11, 14, 15, 20

pelancong 21, 22, 24, 57

## **S**

susah 12, 18, 20